

Switzerland sedia beri kerjasama bantu siasat kes Perwaja

UM 15 JUN 2002

SUBANG 14 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata Switzerland sedia memberi kerjasama sepenuhnya untuk menyelesaikan siasatan penyelesaian membabitkan syarikat Perwaja Steel Sdn. Bhd. (Perwaja).

“Kerjasama itu berkaitan segala transaksi kewangan yang ada,” katanya.

Perdana Menteri ditanya mengenai kerjasama yang akan diberikan oleh kerajaan Switzerland bagi membantu menyelesaikan siasatan kes tersebut yang telah berlarutan sejak tahun 1996 di Lapangan Terbang TUDM Subang di sini semalam. Beliau dari lawatan rasmi ke Vatican City, Switzerland dan Luxembourg hari ini.

Sama ada perkembangan tersebut akan membolehkan pegawai Bank Swiss di panggil ke negara ini untuk membantu siasatan, Perdana Menteri berkata, beliau tidak mengetahuinya dan terpulanglah kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR).

Mengenai kemungkinan bekas Pengarah Urusan Perwaja, Tan Sri Eric Chia didakwa berikutan persetujuan kerajaan Switzerland untuk memberikan maklumat penting tersebut, Dr. Mahathir berkata perkara itu juga perlu dirujuk kepada BPR kerana tidak sesuai untuk beliau menjawab soalan tersebut.

Sementara itu Perdana Menteri menyifatkannya hasil lawatannya ke Eropah sebagai berjaya.